

02 MAY 1998

Bahasa

KEMBANGKAN BAHASA MELAYU MENERUSI TEKNOLOGI MAKLUMAT

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Kerajaan perlu memastikan projek Koridor Raya Multimedia yang dilaksanakan di negara ini bersandarkan kepada kepentingan dan acuan Malaysia khususnya dari segi penggunaan bahasa Melayu yang harus dimajukan sebagai bahasa budaya teknologi maklumat (TM).

Ketua Eksekutif Yayasan Karyawan Malaysia, Datuk haji Hassan Ahmad berkata kerajaan perlu memastikan perisian komputer bagi tujuan TM dihasilkan dalam bahasa Melayu, ke arah memajukan bahasa itu yang semakin hari kelihatan semakin terpinggir.

Negara-negara maju, seperti Perancis dan Jepun membuktikan penggunaan bahasa masing-masing mampu memajukan negara mereka dalam industri teknologi maklumat, katanya dalam kertas kerja bertajuk "Bahasa Melayu Dalam Pembangunan Teknologi" di Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu V, di sini.

Beliau juga menyarankan supaya dasar teknologi maklumat Malaysia diberi peruntukan wang yang cukup untuk membiayai pembinaan "korpus" maklumat elektronik yang bermutu dalam bahasa Melayu.

Presiden Persatuan Linguistik Malaysia, Prof Datuk Dr Nik Safiah Karim pula menyarankan supaya penggunaan kata ringkas IT bagi perkataan teknologi maklumat ditukar kepada kata ringkas TM.

"Menyanyi lagu teknologi maklumat juga menggunakan kata ringkas IT, kenapa tidak gunakan kata ringkas TM dalam bahasa Melayu," katanya.

Seorang lagi pejuang bahasa, Prof Datuk Zainal Abidin Wahid pula membangkitkan kebimbangannya terhadap Akta Pendidikan 1996 yang memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk mengecualikan sesebuah institut pengajian tinggi swasta menggunakan bahasa lain selain dari bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Katanya, ini menyalahi perlembagaan negara yang menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara ini.

Beliau juga melahirkan kebimbangan jumlah pelajar Bumiputera yang sedikit di 400 buah institusi pengajian swasta di negara ini. Daripada 84,000 pelajar di IPTS di negara ini hanya lima peratus sahaja pelajar Melayu.

Dalam kongres dua hari itu, para peserta turut membangkitkan beberapa perkara, termasuk bidang kuasa Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk terus memajukan bahasa Melayu, Institut Terjemahan Negara yang didakwa tidak menjalankan fungsi secara berkesan serta sejauh mana kesungguhan kerajaan dalam memajukan bahasa Melayu.

Seorang peserta menyoalkan keupayaan DBP sebagai badan memajukan bahasa Melayu khususnya dalam "penggunaan pangkat" bagi pegawai tertinggi polis sedangkan nama pangkat itu, seperti Cif Inspektor, boleh menggunakan perkataan Melayu, Ketua Inspektor.

Pengarah Pengembangan dan Penyelidikan Bahasa DBP, Encik Ismail Dahaman berkata DBP tidak meluluskan nama pangkat bagi pegawai tinggi polis itu, tetapi ia adalah kelulusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri.

--BERNAMA

ARA RI